



MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)

Agenzia Kementerian Pembangunan Luar Bandar

KENYATAAN TAWARAN (KHAS UNTUK BUMIPUTERA)

1. Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor **Bumiputera** yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** bagi melaksanakan kerja-kerja berikut:

**CADANGAN MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI, MELATIH DAN MENTAULIAH
BAGI PERKAKASAN DAN PERISIAN ICT SERTA SISTEM RANGKAIAN DI INSTITUT LATIHAN
KECEMERLANGAN MARA (ILKM) JAWI, PULAU PINANG**

NO. TENDER	KOD BIDANG	TARIKH PENJUALAN DOKUMEN	TARIKH, MASA & TEMPAT TAKLIMAT TENDER	HARGA SENASKHAH DOKUMEN	TARIKH TUTUP TENDER
56/2019	210101, 210102, 210103, 210105, dan 210107	26/09/2019 Hingga 09/10/2019 ISNIIN – KHAMIS 8.30 pagi – 1.00 petang 2.00 petang – 4.30 petang JUMAAT 8.30 pagi – 12.15 t/hari 2.45 petang – 4.30 petang	10/10/2019 10.00 pagi Dewan Diamond, Institut Latihan Kecemerlangan MARA (ILKM), Lot 201, Jalan Krian-Kedah, 14200 Sungai Jawi, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang.	RM50.00	31/10/2019 (sebelum 12.00 tengah hari)

*Sila bawa cop syarikat semasa menghadiri taklimat tender

2. Kontraktor-kontraktor Bumiputera hendaklah mengemukakan sijil-sijil berikut yang masih **sah** tempohnya untuk semakan sebelum dibenarkan membeli dokumen.

- i) **SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**
ii) **SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT BUMIPUTERA dengan KEMENTERIAN KEWANGAN
MALAYSIA**

Satu (1) salinan sijil-sijil di atas (tidak dikembalikan) hendaklah dikemukakan untuk simpanan **MARA** semasa membeli dokumen. **MARA** berhak menolak permohonan yang pada tanggapan MARA tidak layak.

3. Bayaran dokumen tender boleh dibuat secara **DRAF BANK** atas nama **MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)**. Wang ini tidak akan dikembalikan. **Satu (1) kontraktor hanya dibenarkan membeli satu (1) dokumen tender bagi setiap tender dan mengemukakan satu (1) tawaran tender sahaja.**

4. Dokumen tender boleh didapati pada waktu pejabat (8.30 pagi – 1.00 ptg, 2.00 ptg - 4.30 ptg) **di alamat seperti di bawah. Dokumen tawaran tidak akan dijual selepas tempoh ini.**

5. **Kontraktor yang berminat DIWAJIBKAN menghadiri taklimat tender seperti alamat di atas. Wakil syarikat adalah TIDAK DIBENARKAN untuk menghadiri taklimat tender dan membeli dokumen.** Hanya **PEMILIK SYARIKAT / PENAMA** yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak dan pengambilan dokumen dengan mengemukakan **KAD PENGENALAN** dan **SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** untuk pengesahan. **Tawaran dianggap sebagai tidak sah jika pengesahan lawatan tapak dan taklimat tender tidak ditandatangani oleh Pegawai Pengguna yang dilantik oleh MARA semasa menghadiri taklimat tender.**

6. **Semua kos berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah menjadi tanggungjawab kontraktor.**

7. **MARA** tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. **MARA** berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.

8. Dokumen tender yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeteri dan bertanda dengan **No. Tender** dan **Tajuk Kerja** di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tender** seperti alamat di bawah :

PENGARAH BAHAGIAN PENGURUSAN ASET & PEROLEHAN TINGKAT 2 (KAUNTER TENDER) LOT 3.15, IBU PEJABAT MARA, 21, JALAN MARA, 50609 KUALA LUMPUR
--

Pada atau sebelum tarikh tutup tender jam 12.00 tengah hari

9. Dokumen tender yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup tender tidak akan diterima dan ditolak. Maklumat ringkas tawaran di atas boleh dilayari di <http://www.mara.gov.my>